

**BUKU PANDUAN  
PENGURUSAN PEMBELAJARAN  
PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA**



**Tahap Sekolah Rendah Atas**



**( Ilustrasi oleh : Thanachot Isast Darjah 5 Sekolah Mahathaisuksa, Timur Laut )**



**BUKU PANDUAN PENGURUSAN PEMBELAJARAN PENDIDIKAN HAK ASASI  
MANUSIA  
TAHAP SEKOLAH RENDAH ATAS**





<b>Tajuk buku</b>	Buku Panduan Pengurusan Pembelajaran Pendidikan Hak Asasi Manusia Tahap Sekolah Rendah Atas
<b>ISBN</b>	978-616-8274-01-9
<b>Cetakan pertama</b>	Januari 2020
<b>Jumlah cetakan</b>	1,000 salinan.
<b>Diterbitkan oleh</b>	Pejabat Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional  Pusat Kerajaan untuk Memperingati Hari Keputeraan Yang Mulia Raja ke-80, pada 5 Disember 2007, Bangunan Rattaprasasanabhakdi (Bangunan B, Lantai Sisi Selatan 6 dan 7, 120 Kampung No. 3, Jalan Chaeng Watthana, Kecamatan Thung Song Hong, Kabupaten Lak Si, Bangkok 10210 Telefon 02 141 3800 Faks 0 21439574,  Talian Aduan 1377 E-mel: <a href="mailto:help@nhrc.or.th">help@nhrc.or.th</a>
<b>Maklumat lanjut</b>	<a href="http://www.nhrc.or.th">www.nhrc.or.th</a>



## PENGENALAN DAN LATAR BELAKANG

“Di tempat yang kecil berhampiran dengan rumah, teramat kecil dan dekat sehingga tidak dapat dilihat dalam peta dunia. Tempat yang sangat kecil itu bagai dunia milik seorang individu yang merupakan tempat tinggal, sekolah, atau universiti untuk seorang individu belajar; kilang, ladang atau pejabat-pejabat untuk bekerja. Ini adalah tempat di mana setiap lelaki, wanita dan kanak-kanak mencari keadilan, peluang dan maruah yang sama tanpa diskriminasi. Sekiranya hak-hak ini tidak bermakna di tempat itu maka hak-hak ini akan mempunyai peranan yang kecil di tempat-tempat lain. Sekiranya warganegara tidak saling membantu antara satu sama lain dalam melindungi hak ini di tempat mereka maka sia-sia mereka untuk membina kemajuan dalam dunia yang lebih besar lagi.”

Pernyataan tersebut diungkapkan oleh Puan Eleanor Roosevelt, isteri bekas Presiden Amerika Syarikat, Franklin D. Roosevelt semasa Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat. Dalam sesi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang dianggotai oleh 48 buah negara dari seluruh dunia termasuk Thailand telah meluluskan resolusi untuk mengiktiraf Perisytiharan Hak Asasi Manusia pada 10 Disember 2491 Be. (bersamaan 1948 M.). Hal ini merupakan titik permulaan selepas Perang Dunia Kedua berakhir yang memperlihatkan negara anggota PBB dari seluruh dunia telah bersatu meluluskan satu dokumen bersejarah, bertujuan melindungi hak asasi manusia bagi warganegara sedunia.

Dalam dunia ini, kita hidup berdasarkan kepelbagaian. Tidak kira bangsa, agama, bahasa atau budaya, kita mungkin mempunyai fikiran, kepercayaan, taraf, paras rupa dan fizikal yang berbeza. Justeru hal ini bukan suatu masalah sehingga menimbulkan kebimbangan bahawa kita harus berpecah belah. Sekiranya situasi kepelbagaian ini dianggap semula jadi maka semua dapat hidup bersama dalam kedamaian. Oleh itu kita harus berpegang teguh pada nilai “Hak Asasi Manusia” yang merupakan moral antarabangsa yang terdiri daripada empat prinsip asas. Prinsip-prinsip tersebut bertujuan agar manusia harus bertoleransi antara satu sama lain dalam empat perkara iaitu:

1. Menghormati maruah manusia.
2. Keyakinan terhadap persamaan seseorang individu tanpa diskriminasi.





3. Kepercayaan terhadap hak dan kebebasan seseorang individu.
4. Memperlakukan seseorang individu lain sebagaimana sesama manusia.

Empat prinsip asas hak asasi manusia ini juga merupakan prinsip penting dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat yang perlu dipelajari dan difahami bersama oleh manusia. Penghayatan ini akhirnya membawa kepada penerapan dan penciptaan budaya penghormatan terhadap hak asasi manusia serta menerapkannya dalam kehidupan masing-masing. Para guru khususnya memainkan peranan sangat penting dalam membina asas yang kukuh dalam masyarakat dengan mendidik anak-anak dan remaja untuk belajar dan menyedari nilai hak asasi manusia melalui penerapan pembelajaran, aktiviti pendidikan dan kehidupan harian.

Oleh itu, kepentingan dalam menggalakkan hak asasi manusia adalah selari dengan prinsip universal. Perlembagaan Kerajaan Thailand 2560 Be. (2017 M.) telah memperuntukkan penubuhan sebuah organisasi bebas iaitu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional yang berperanan dan mempunyai kuasa penting di bawah Akta 247 (5) dalam meningkatkan kesedaran semua lapisan masyarakat terhadap kepentingan hak asasi manusia. Suruhanjaya tersebut mempunyai tugas dan kuasa mengikut undang-undang perlembagaan mengenai Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional 2560 Be. Akta 27 (1), (2) dan (3) memberi peruntukan dalam membangkitkan, menyokong dan bekerjasama dengan seorang individu, agensi kerajaan dan swasta untuk mengkaji, menyebarkan pengetahuan dan meningkatkan kekuatan hak asasi manusia, membangkitkan, menyebarkan kepada anak-anak, remaja dan masyarakat umum untuk mewujudkan hak asasi manusia masing-masing yang sama dan menghormati hak asasi orang lain yang mungkin berbeza dalam budaya, tradisi, kehidupan dan agama.

Sehubungan itu, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional sebagai badan yang bertanggungjawab terhadap hak asasi manusia kebangsaan di sisi perlembagaan telah melihat keperluan untuk menggalakkan perkembangan hak asasi manusia dalam kalangan rakyat. Antara usaha untuk menggalakkan hak asasi manusia adalah dengan segera mengadakan garis panduan secara sistematik mengenai hak asasi manusia di institusi pendidikan di seluruh negara. Hal ini boleh dilakukan melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan yang bertanggungjawab terhadap 30,000 institusi pendidikan dan mempunyai lebih daripada 400,000 kakitangan yang berfungsi untuk menyokong serta memberikan pendidikan asas kepada lebih daripada 7,000,000 orang pelajar di negara ini. Oleh itu, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional dari Pejabat



Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional telah memeterai perjanjian kerjasama dalam menggalakkan hak asasi manusia dengan Kementerian Pendidikan untuk bersama-sama menghasilkan Buku Panduan Pengurusan Pembelajaran Pendidikan Hak Asasi Manusia . Buku ini berperanan sebagai panduan dalam pengurusan pembelajaran hak asasi manusia untuk meningkatkan kualiti pelajar.

Bagi mencapai matlamat tersebut, suatu jawatankuasa telah dibentuk melibatkan ahli Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, para guru, pensyarah dan pegawai dari Kementerian Pendidikan, pensyarah dari Institut Hak Asasi Manusia dan Pendidikan Keamanan, Universiti Mahidol serta wakil dari Yayasan Friedrich Nauman Thailand. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menyediakan *Buku Panduan Pengurusan Pembelajaran Pendidikan Hak Asasi Manusia* yang akan digunakan sebagai garis panduan dalam pengurusan pembelajaran hak asasi manusia untuk meningkatkan kualiti pelajar berdasarkan kurikulum teras pendidikan asas 2551 Be. (2008 M.). Pembelajaran hak asasi manusia ini akan diselitkan dalam mata pelajaran kajian sosial, agama dan budaya daripada peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat sekolah menengah bawah dan sekolah menengah atas. Pendidikan mengenai hak asasi manusia turut akan dimasukkan dalam aktiviti pembelajaran dalam kurikulum Pendidikan Prasekolah (Awal Kanak-kanak) 2560 Be. (2017 M.). Proses penyediaan buku panduan ini terdiri daripada beberapa tahap bermula dengan pertemuan bersama untuk mengumpulkan pandangan dan buah fikiran. Hasil pandangan tersebut seterusnya dibentangkan dan dilakukan penambahbaikan. Beberapa buah bengkel juga diadakan untuk mendengar pendapat dan cadangan daripada para guru, pensyarah serta semua pihak yang berkepentingan bagi menyusun dan melengkapkan buku panduan tersebut sebaik mungkin. Usaha ini diharap dapat menjadikan kanak-kanak dan remaja sebagai sumber kekuatan yang akan memajukan negara pada masa hadapan. Generasi akan datang yang dididik dengan asas hak asasi manusia diharapkan mempunyai pengetahuan, pemahaman dan kesedaran dalam menghormati maruah manusia, mempercayai kesaksamaan manusia tanpa diskriminasi, mempercayai hak dan kebebasan individu dan memperlakukan individu lain sebagai rakan sesama manusia dengan berpegang pada hakikat perbezaan. Prinsip-prinsip yang terdapat dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat ini walaupun berasal dari Barat sebenarnya selaras dengan nilai-nilai baik masyarakat Thailand seperti sifat kasih sayang, kemurahan hati, suka berkongsi, dan bersatu padu yang sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian mereka.



Akhir kata, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Nasional berharap agar Buku Panduan Pengurusan Pembelajaran Pendidikan Hak Asasi Manusia ini akan menjadikan mereka yang terlibat termasuk guru dan pelajar mempunyai pengetahuan, pemahaman, kemahiran, dan kesedaran mengenai hak asasi manusia. Usaha ini diharapkan mampu mengintegrasikan hak asasi manusia ke dalam amalan kehidupan seharian, sama ada di dalam kelas atau di luar kelas, seterusnya boleh dimanfaatkan agar sesuai dalam konteks keluarga, sekolah, kampung dan masyarakat. Hal ini akan membawa kepada pembentukan budaya menghormati hak asasi manusia yang stabil dan kekal dalam masyarakat Thailand selamanya.

## **ISI KANDUNGAN**

### **Isi**

#### **Panduan Penggunaan Buku**







<b>Aktiviti 3</b>	<b>Hak yang Akan Dapat Pembangunan</b>	<b>81</b>
Aktiviti 3.1	Jauhkan impian, Bagaimanakah cara untuk mencapai	81
Aktiviti 3.2	Jiwa yang baik, dari hati (Hak yang akan menerima pembangunan bidang agama dan budaya)	88
<b>Aktiviti 4</b>	<b>Hak yang Akan Mengambil Bahagian</b>	<b>95</b>
Aktiviti 4.1	Minta menyertai juga, buat secara beransur-ansur	95
<b>UNIT PEMBELAJARAN 2</b>		
<b>PERTAHANAN DAN PERLINDUNGAN HAK KANAK-KANAK</b>		<b>103</b>
<b>Aktiviti 1</b>	<b>Pelanggaran Hak Kanak-Kanak dalam Masyarakat Thailand</b>	<b>104</b>
Aktiviti 1.1	Saya ingin belajar	104
Aktiviti 1.2	Penggunaan buruh kanak-kanak: Tolong saya!	115
Aktiviti 1.3	Siapa dapat menolong saya?	122
Aktiviti 1.4	Siapa yang salah?	125
<b>Aktiviti 2</b>	<b>Pertahanan dan Perlindungan Kanak-Kanak dalam Masyarakat Thailand</b>	<b>129</b>
Aktiviti 2.1	Tolong melindungi saya	129
Aktiviti 2.2	Bersama, tolong pertahankan	132
Aktiviti 2.3	Masyarakat mempertahankan	139

## ISI KANDUNGAN

### Isi

### UNIT PEMBELAJARAN 2



## **PERTAHANAN DAN PERLINDUNGAN HAK KANAK-KANAK**

<b>Aktiviti 3</b>	<b>Cara Mempertahan dan Melindungi</b>	
	<b>Diri Sendiri dan Orang Lain</b>	<b>147</b>
Aktiviti 3.1	Saya pun boleh buat	147
Aktiviti 3.2	Sama-sama fikir melindungi	152
Aktiviti 3.3	Berfikir sebelum buat keputusan	158
<b>Aktiviti 4</b>	<b>Cara Pertolongan Orang Lain Daripada Pelanggaran Hak</b>	<b>163</b>
Aktiviti 4.1	Suara kecil-kecil yang dilupai	163
Aktiviti 4.2	Kita, boleh tolong saya	165

## **UNIT PEMBELAJARAN 3**

### **HAK KANAK-KANAK DALAM KEBOLEHCAPAIAN BERITA MAKLUMAT 176**

<b>Aktiviti 1</b>	<b>Skop Berita Maklumat yang Kanak-Kanak Perlu Ketahui</b>	<b>177</b>
Aktiviti 1.1	Berita maklumat dalam kehidupan seharian	177
Aktiviti 1.2	Hak dalam kebolehcapaian berita maklumat	182
<b>Aktiviti 2</b>	<b>Pos Menyeronokkan, Komennya Gila-Gila, Kesalahan yang Tidak Diketahui</b>	<b>187</b>
<b>Aktiviti 3</b>	<b>Hak Asasi Manusia Dengan Dunia <i>Online</i></b>	<b>195</b>
<b>Aktiviti 4</b>	<b>Pendidikan Seks Pada Zaman Persekolahan</b>	<b>200</b>

### **LAMPIRAN 206**

<b>Senarai Nama Lembaga Penyusun</b>	<b>207</b>
<b>Senarai Nama Lembaga Penasihat</b>	<b>210</b>



**PANDUAN PENGGUNAAN BUKU *PANDUAN PENGURUSAN PEMBELAJARAN*  
*PENDIDIKAN HAK ASASI MANUSIA***



Penggunaan panduan pengurusan pembelajaran hak asasi manusia peringkat sekolah rendah tahap akhir (darjah 4-6). Buku ini disusun sebagai panduan kepada guru dalam kelompok mata pelajaran pendidikan sosial, agama dan budaya agar dapat menyelitkan aspek pengurusan pembelajaran berkaitan hak asasi manusia dalam kurikulum teras pendidikan dasar 2551 Be., isi yang ke-2 tugas kewarganegaraan, budaya dan kehidupan dalam masyarakat yang mempunyai standard pembelajaran dan pengukuran yang berkaitan dengan hak asas kanak-kanak seperti berikut:

isi 2.1 darjah 4/3 analisis hak asasi yang semua kanak-kanak berhak di bawah undang-undang (yang mempunyai isi pembelajaran teras, terdiri daripada hak asasi kanak-kanak seperti hak yang akan mempunyai hidup, hak yang akan dapat perlindungan, hak yang akan menerima pembangunan, hak yang akan mengambil bahagian)

isi 2.1 darjah 5/2 memberi cadangan cara pertahanan dan melindungi diri sendiri atau orang lain dari pelanggaran hak kanak-kanak (yang mempunyai isi pembelajaran teras, terdiri daripada peristiwa yang melanggar hak anak-kanak dalam masyarakat Thailand, garis panduan pertahanan dan perlindungan dirinya atau orang lain dari pelanggaran hak kanak-kanak, pertahanan dan melindungi hak kanak-kanak dalam masyarakat Thailand)

isi 2.1 darjah 6/5 mengikuti berita maklumat peristiwa-peristiwa dalam kehidupan seharian. Pilih menerima dan menggunakan maklumat dan berita dalam mempelajari dengan sesuai. (yang mempunyai isi pembelajaran teras terdiri daripada sumber maklumat, berita, peristiwa-peristiwa seperti radio, televisyen, surat khabar, dan pelbagai sumber berita, dari arkib, situasi sebenar, faedah daripada menghubungi maklumat peristiwa-peristiwa, prinsip untuk pemilihan dan penggunaan maklumat dari pelbagai media termasuk media tanpa sempadan) yang dalam indikator (pengukuran) ini dapat integrasikan tentang penggunaan berita maklumat dengan betul dan sesuai, bukan sebagai pelanggaran hak asasi manusia tetapi sebagai pertahanan dan melindungi diri sendiri juga.

## **1. OBJEKTIF PANDUAN**



1.1 Sebagai panduan untuk guru menguruskan pembelajaran yang menanamkan pengetahuan, kefahaman dan kesedaran terhadap kepentingan hak asasi kanak-kanak kepada pelajar yang merupakan salah satu prinsip penting hak asasi manusia. Mengetahui cara dan terlibat dalam pertahanan dan melindungi diri sendiri dan orang lain daripada pelanggaran hak kanak-kanak. Mereka juga tahu bagaimana memilih untuk menerima dan menghantar berita maklumat yang bermanfaat, tidak melanggar hak orang lain mengikut prinsip hak asasi manusia dengan menekankan hak anak-anak.

1.2 Sebagai panduan untuk guru mengatur aktiviti pembelajaran untuk mengintegrasikan hak asasi manusia ke dalam kurikulum teras pendidikan asas 2008 M. (2551 Be.) dalam kumpulan isi pembelajaran pendidikan sosial, agama dan budaya dalam standard pembelajaran dan pengukuran berkaitan dengan hak, tugas, tanggungjawab dan peristiwa yang berkaitan dengan pertahanan dan perlindungan pelanggaran hak kanak-kanak

1.3 Untuk kanak-kanak dan belia Thailand dapat melihat kepentingan dan mengambil bahagian dalam pertahanan dan melindungi diri sendiri dan orang lain dalam keluarganya, komuniti, daripada dilanggar hak kanak-kanak, seterusnya kerjasama dengan masyarakat menyebarkan berita maklumat peristiwa-peristiwa yang menggalakkan hak kanak-kanak dalam masyarakat di peringkat tempatan dan kebangsaan

## **2. GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEMBELAJARAN**

### **2.1 Pengurusan Suasana Pembelajaran**

2.1.1 Dari segi persekitaran guru harus mengatur suasana di dalam kelas agar menjadi baru dan tidak berulang-ulang. Mengatur dan berhiaskan bilik darjah sesuai dengan mata pelajaran yang dipelajari. Mengadakan pameran karya pelajar sebagai kebanggaan pelajar dan membuat pelajar bersemangat untuk melanjutkan pelajaran mereka.

2.1.2 Persiapan pengurusan aktiviti, guru mesti mempelajari panduan pengurusan aktiviti pembelajaran. hak asasi manusia untuk difahami dengan jelas. Sediakan aktiviti bahan pembelajaran, pengukuran dan penilaian serta cara memotivasikan pelajar untuk berminat belajar

### **2.2 Peranan Guru**





2.2.1 Guru mesti membina hubungan baik dengan pelajar. Berbudi baik, yang penting iaitu menyayangi, bersimpati, menolong dan membimbing dalam pembelajaran kepada pelajar.

2.2.2 Mempunyai persiapan terhadap melaksanakan aktiviti untuk pelajar berhasil mengikut tujuan yang ditentukan

2.2.3 Menggunakan kaedah pengajaran/teknik pengajaran mengikut panduan dan boleh mengubah mengikut kesesuaian untuk pelajar mencapai objektif yang ditentukan

**2.3 Ciri-ciri Aktiviti** dalam panduan pengaturan aktiviti pembelajaran ini akan mengguna teknik dan proses pembelajaran yang pelbagai seperti

2.3.1 Pengurusan pembelajaran secara bekerjasama (*cooperative learning*), teknik pendamping (*think-pairshare*), teknik empat pendamping (*think-pair-square*), teknik menceritakan berkeliling (*round robin*) dan teknik pembelajaran bersama (*learning together*).

2.3.2 Proses berkumpul, berlatih pelajar dapat membuat aktiviti bersama sebagai asas secara hidup pendemokrasian, mempunyai pemimpin, pembahagian tugas yang bertanggungjawab, mempunyai perancangan, melaksanakan rancangan, menilai hasil kerja serta membaiki dan mengembangkan kerja.

2.3.3 Berlatih kemahiran berfikir seperti penganalisan, pemikiran kreatif, pemikiran secara berakal, pemikiran menyelesaikan masalah.

**PELAKSANAAN AKTIVITI PEMBELAJARAN TERSEBUT AKAN SELARAS DENGAN CARA (*ACTIVE LEARNING*) IAITU:**

1. Pelajar menyertai dalam pembelajaran seperti bersama-sama dalam perbincangan, memberi pendapat, bertukar pendapat (idea), menjawab soalan, pembentangan, kerja berkumpul, bekerjasama dalam aktiviti pembelajaran atau hasil kerja

2. Pelajar dapat melatih kemahiran berfikir seperti pemikiran analisis, berfikir merubah, berfikir menganggar, berfikir menyelesaikan masalah, berfikir kreatif, berfikir secara berakal.



3. Pelajar dapat membina pembelajaran dengan sendiri seperti merancang bentuk pembelajaran sendiri, menciptakan hasil kerja yang kreatif, pelajar dapat menilai dan memperkembangkan dirinya.

4. Pelajar dapat mengaplikasikan pengetahuan pada peristiwa-peristiwa dalam kehidupan seharian mereka, bersama menyelesaikan masalah mengenai pertahanan dan melindungi diri sendiri dan orang lain daripada dilanggar hak kanak-kanak.

**2.4 Media/Sumber pembelajaran** ini adalah bahagian penting akan bantu membina dan mengembangkan proses pembelajaran mengenai hak asasi manusia pada tahap memasuki dalam mata pelajaran yang akan bantu membina suasana dan menarik minat atau pada tahap pelaksanaan aktiviti yang guru akan mengguna media/sumber pembelajaran untuk membangkitkan kemahiran berfikir, beranalisis, berfikir secara berakal, berfikir menyelesaikan masalah atau permulaan berfikir kreatif dan juga sebagai membantu pembelajaran yang bermakna dengan benda disebut akan menjadi lebih jelas.

Media/Sumber pembelajaran yang diguna pakai dalam pengurusan pembelajaran secara pelbagai terdiri daripada:

1. Berita, gambar berita, video peristiwa semasa yang guru boleh mengubahsuai sebagai peristiwa tempatan pada setiap tempoh masa. Selain membantu membangkit minat, guru juga boleh menggunakan media ini untuk menggabungkan kemahiran berfikir, kemahiran memilih, dan mengetahui media semasa dengan sebaik-baiknya.

2. Permainan (*game*) dalam pengajian dan pengajaran adalah sebagai media membantu pelajar untuk menimbul pembelajaran dan kegembiraan, Bantu mewujudkan persekitaran pembelajaran dengan memanfaatkan permainan (*game*) yang telah dialami oleh pelajar untuk menyesuaikan dalam pengajian dan pengajaran.

3. Kajian kes, situasi simulasi adalah media pembelajaran yang guru sediakan untuk digunakan oleh pelajar sebagai media membina pemahaman sesuai dengan tujuan dan usia pelajar.

4. Kertas pengetahuan, kertas aktiviti adalah media yang guru mengadakan untuk menambah pengetahuan, pemahaman dalam isi mata pelajaran dan kertas aktiviti yang



mengguna sebagai latihan pelbagai bentuk, yang guru dapat berfikir, menilai bahawa pelajar itu mempunyai pengetahuan dan pemahaman. Menimbulkan kesedaran dan mengaplikasikan pengetahuan dengan betul, atau berapa banyak sesuainya.

5. Pengetahuan untuk guru adalah sebagai media dibuatkan untuk menambah isi kandungan yang guru boleh menggunakan dalam aktiviti pembelajaran untuk menambah isi yang penting dan yang perlu kepada pelajar tetapi tidak menambah bebanan kepada pelajar.

6. Media/sumber pembelajaran yang boleh digunakan oleh guru dalam mengurus pembelajaran hak asasi manusia ini. Lembaga penyusun telah memberi kemudahan kepada guru dengan membuat QR Kod di bahagian bawah pada kertas aktiviti-aktiviti itu dan guru dapat *scan* QR Kod untuk menggunakan bahan dalam mengurus pembelajaran dengan sesuai dan berkualiti.

## **2.5 Pengukuran dan Penilaian Hasil Pembelajaran**

Dalam panduan pengurusan aktiviti pembelajaran hak asasi manusia ini akan memberi kepentingan terhadap penilaian hasil pembelajaran dengan mengguna proses pengutipan data-data dari melaksanakan aktiviti secara tidak rasmi. Pelaksanaan tersebut akan berlaku sepanjang masa melaksanakan aktiviti pembelajaran. Menggunakan peralatan yang pelbagai, sebagai penilaian untuk membangun pembelajaran (*Assessment for Learning*) yang dilaksanakan secara berterusan sepanjang pengajian dan pembelajaran, sebagai mengutip data pembelajaran dan memperlakukan pelajar, semasa pelajar sedang menjalankan aktiviti atau tugas kerja mengikut yang ditentukan, guru memerhatikan, menyoal, mencatat dan menganalisis data bahawa adakah pelajar itu wujud pembelajaran atau tidak? dan apakah yang harus membaiki?. Guru mungkin memberi pertunjukan, topik perhatian dalam membuat aktiviti, pembentangan hasil kerja, pembicaraan antara guru dan pelajar secara individu dan berkumpulan dan lain-lain.

### **CARA PENILAIAN IAITU**

1. Memerhatikan kelakuan sebagai pengutipan data dari melihat memperlakukan aktiviti pelajar dengan mempunyai tujuan yang jelas dengan mengguna borang pemerhatian kelakuan yang mempunyai secara individu dan berkumpulan. Maka setiap aktiviti



guru boleh mengguna borang pemerhatian kelakuan pada bahagian lampiran untuk menerapkan mengikut kesesuaian.

2. Pembicaraan adalah sebagai komunikasi dua hala antara guru dan pelajar yang dapat melaksanakan secara individu dan berkumpulan untuk ikuti kelakuan pelajar, sebagai manfaat terhadap mencari data pelajar individu ataupun kumpulan untuk mengguna pakai dalam membangun pada pengurusan aktiviti seterusnya.

3. Penggunaan soalan, dalam setiap aktiviti pada unit pembelajaran akan mempunyai contoh penggunaan soalan untuk pelajar melatih pandai berfikir seperti fikir analisis, fikir kreatif, fikir menyelesaikan masalah, fikir secara berakal

4. Penulisan mencerminkan pembelajaran, beberapa aktiviti akan memberi pelajar mencatat pembelajaran mereka. Membuat guru mengetahui hasil atau kemajuan dalam pembelajaran pelajar.

5. Penilaian Prestasi (memperlakukan) (*Performance Assessment*) dalam aktiviti yang memberi tumpuan kepada pelajar untuk melakukan latihan sebenar dengan memberikan tugas kepada pelajar seperti dramatisasi (mempersembahkan drama), prestasi gerakan, penciptaan, peninjauan, pembentangan, dan pemodelan. Di mana guru akan memerhatikan bagaimana cara kerja itu dilakukan langkah demi langkah dan menilai hasil kerja pelajar.

### **3. KONSEP UTAMA UNIT PEMBELAJARAN DAN AKTIVITI.**

Buku panduan ini terdiri daripada 3 unit pembelajaran.

**Unit pembelajaran 1** sebagai pengurusan pembelajaran pada peringkat sekolah rendah darjah 4 dengan menggunakan pengukuran yang berkaitan dengan hak asasi manusia iaitu isi 2.1 darjah. 4/3 sebagai asas utama dalam mengatur aktiviti dengan menekankan pelajar untuk memahami hak asasi yang Setiap kanak-kanak berhak dan dapat menganalisis bahawa setiap kanak-kanak mendapat hak yang akan mempunyai hidup, hak yang akan dapat perlindungan, hak yang akan menerima pembangunan, hak yang akan mengambil bahagian). Jika pelajar sudah mengetahui hak mereka pelajar mesti melakukan mengikut hak yang berhak dan melaksanakan tugas secara betul dengan tidak



melanggarkan orang lain. Sebagai mengatur asas dalam melaksanakan hidup dalam masyarakat yang membawa kesan terhadap pelaksanaan hidup bersama dengan orang lain dengan bahagia.

**Unit pembelajaran 2** sebagai pengurusan pembelajaran pada peringkat sekolah rendah darjah 5 dengan menggunakan pengukuran yang berkaitan dengan hak asasi manusia iaitu isi 2.1 darjah. 5/4 sebagai asas utama dalam mengatur aktiviti dengan menekankan pelajar situasi sekarang yang mempunyai pelanggaran hak kanak-kanak dalam masyarakat Thai yang membawa kesan terhadap diri kanak-kanak sendiri, masyarakat, dan negara. Justeru, akan mengadakan aktiviti pembelajaran untuk pelajar menyedari kepada kepentingan dan jalan kerjasama mempertahankan atau melindungi diri sendiri dan orang lain supaya jauhkan daripada dilanggar. Maka akan mesti membina imuniti dan kekuatan diri sendiri kepada pelajar untuk menjadi sebagai pertahanan dan perlindungan orang lain daripada pelanggaran hak kanak-kanak.

**Unit pembelajaran 3** sebagai pengurusan pembelajaran pada peringkat sekolah rendah darjah 6 dengan menggunakan pengukuran yang akan mampu mengintegrasikan hak asasi manusia dalam pengurusan aktiviti pembelajaran iaitu isi 2.1 darjah. 6/5 dengan menekankan pelajar tahu mengikuti berita maklumat peristiwa-peristiwa dalam kehidupan seharian. Pilih menerima dan menggunakan maklumat berita dalam mempelajari dengan sesuai untuk kanak-kanak akan dapat melihat kepentingan mampu memilih terima dengan betul tidak melakukan apa yang melanggarkan hak orang lain mengikut prinsip hak asasi manusia dan sebagai pertahanan diri sendiri dan orang lain supaya tidak dilanggar juga. Khususnya, pada masyarakat semasa sebagai masyarakat online (masyarakat dunia atas talian) pasti mempunyai risiko untuk menerima dan menghantar maklumat berita yang cepat ini. Oleh itu, kemahiran mesti dipraktikkan dalam memilih untuk menerima dan menggunakan maklumat secara berakal.



### STRUKTUR UNIT PEMBELAJARAN

BIL.	NAMA UNIT	NAMA AKTIVITI	STANDARD/ PENGUKURAN	TUJUAN	ISI	JUMLAH JAM
1	Hak Saya	Aktiviti 1 Hak yang akan mempunyai hidup  1.1 dapat hidup dengan selamat	isi2.1 darjah4/3 analisis hak asasi yang semua kanak-kanak berhak di bawah undang-undang	1. memahami dan menghargai kepentingan pada hak asasi kanak-kanak mengenai kelangsungan hidup 2. analisis jalan berlaku terhadap kanak-kanak untuk terus mempunyai hidup dan membesar sebagai orang dewasa.	hak yang akan mempunyai hidup kanak-kanak pada hak yang akan dapat pemeliharaan untuk terus hidup	1
		1.2 Berkongsi impian, kongsi cinta	isi2.1 darjah4/3 analisis hak asasi yang semua kanak-kanak berhak di bawah undang-undang	1. memahami dan menghargai kepentingan pada hak asasi kanak-kanak mengenai hak yang	hak yang akan mempunyai hidup kanak-kanak pada hak yang akan dapat menerima kasih	1





BIL.	NAMA UNIT	NAMA AKTIVITI	STANDARD/ PENGUKURAN	TUJUAN	ISI	JUMLAH JAM
				akan mempunyai hidup dengan dapat menerima kasih sayang dan kepedulian dari keluarga 2. analisis jalan berlaku terhadap kanak-kanak mengenai dengan penerimaan kasih sayang, penjagaan dari keluarga	sayang dan penjagaan	
		1.3 Makan kenyang, tidur lena	isi2.1 darjah4/3 analisis hak asasi yang semua kanak-kanak berhak di bawah undang-undang	1. memahami dan menghargai kepentingan pada hak asasi kanak-kanak mengenai hak yang akan mempunyai	hak yang akan mempunyai hidup kanak-kanak pada hak menerima pemakanan yang baik	1



BIL.	NAMA UNIT	NAMA AKTIVITI	STANDARD/ PENGUKURAN	TUJUAN	ISI	JUMLAH JAM
				hidup dengan menerima pemakanan yang baik dan sesuai dengan umur 2. analisis jalan berlaku terhadap kanak-kanak mengenai penerimaan pemakanan yang baik dan sesuai dengan umur		
		1.4 Jasmani dan rohani yang kuat	isi2.1 darjah4/3 analisis hak asasi yang semua kanak-kanak berhak di bawah undang-undang	1. memahami dan menghargai kepentingan pada hak asasi kanak-kanak mengenai hak yang akan mempunyai hidup dengan menerima	hak yang akan mempunyai hidup kanak-kanak pada hak menerima perkhidmatan daripada segi kesihatan	1



BIL.	NAMA UNIT	NAMA AKTIVITI	STANDARD/ PENGUKURAN	TUJUAN	ISI	JUMLAH JAM
				perkhidmatan daripada segi kesihatan 2. analisis jalan berlaku terhadap kanak-kanak mengenai penerimaan perkhidmatan daripada segi kesihatan		
		Aktiviti 2 Hak yang akan dapat pertahanan  2.1 keluarga bahagia dengan mengelilingi cinta	isi2.1 darjah4/3 analisis hak asasi yang semua kanak-kanak berhak di bawah undang-undang	1. memahami dan menghargai kepentingan pada hak asasi kanak-kanak mengenai hak yang akan dapat pertahanan dan perlindungan 2. analisis jalan berlaku terhadap pertahanan dan	hak yang akan dapat pertahanan dan perlindungan dari keluarga	1



<b>BIL.</b>	<b>NAMA UNIT</b>	<b>NAMA AKTIVITI</b>	<b>STANDARD/ PENGUKURAN</b>	<b>TUJUAN</b>	<b>ISI</b>	<b>JUMLAH JAM</b>
				perlindungan kanak-kanak		
		2.2 Sudut pandangan yang berbeza, mencurah sepenuh hati	isi2.1 darjah4/3 analisis hak asasi yang semua kanak-kanak berhak di bawah undang-undang	1. memahami dan menghargai kepentingan pada hak asasi kanak-kanak mengenai hak yang akan dapat pertahanan dan perlindungan dari masyarakat 2. analisis jalan berlaku terhadap pertahanan dan perlindungan kanak-kanak dari masyarakat	hak yang akan dapat pertahanan dan perlindungan dari masyarakat	1
		Aktiviti 3 Hak yang akan menerima pembangunan	isi2.1 darjah4/3 analisis hak asasi yang semua kanak-kanak berhak di bawah undang-undang	1. memahami dan menghargai kepentingan pada hak asasi kanak-kanak mengenai hak yang	1.hak yang kanak-kanak akan dapat pembangunan pada beberapa aspeknya	



BIL.	NAMA UNIT	NAMA AKTIVITI	STANDARD/ PENGUKURAN	TUJUAN	ISI	JUMLAH JAM
		3.1 Jauhkan impian, Bagaimanakah cara untuk mencapai		akan dapat pembangunan 2. analisis nilai dan kepentingan diri sendiri dan orang lain dan dapat meningkatkan diri sendiri dengan sesuai mengikut prinsip agama yang dianuti	2. hak yang akan dapat pembangunan pada aspek agama dan budaya	1
		3.2 Jiwa yang baik, dari hati				1
		Aktiviti 4 Hak yang akan mengambil bahagian  4.1 Minta menyertai juga, buat secara beransur-ansur	isi2.1 darjah4/3 analisis hak asasi yang semua kanak-kanak berhak di bawah undang-undang	1. menghargai kepentingan hak yang akan mempunyai penyertaan dan mampu menyertai dalam aktiviti-aktiviti masyarakat dengan sesuai	hak kanak-kanak pada mempunyai penyertaan	1



<b>BIL.</b>	<b>NAMA UNIT</b>	<b>NAMA AKTIVITI</b>	<b>STANDARD/ PENGUKURAN</b>	<b>TUJUAN</b>	<b>ISI</b>	<b>JUMLAH JAM</b>
2	Pertahanan dan melindungi hak kanak-kanak	Aktiviti 1 Pelanggaran hak kanak-kanak dalam masyarakat Thailand  1.1 Saya ingin belajar  1.2 Penggunaan buruh kanak-kanak: Tolong saya!	isi 2.1 darjah 5/2 memberi cadangan cara pertahanan dan melindungi diri sendiri atau orang lain dari pelanggaran hak kanak-kanak	1. memahami dan menyedari terhadap kepentingan hak kanak-kanak mengenai penerimaan pendidikan dan pembangunan  2. memahami keadaan peristiwa pelanggaran hak kanak-kanak dalam penggunaan buruh kanak-kanak	1. pelanggaran hak kanak-kanak dalam kehidupan, pembangunan dan pendidikan 2. pelanggaran hak kanak-kanak dalam penggunaan buruh	1  1





BIL.	NAMA UNIT	NAMA AKTIVITI	STANDARD/ PENGUKURAN	TUJUAN	ISI	JUMLAH JAM
		1.3 Siapa dapat menolong saya?	isi 2.1 darjah 5/2 memberi cadangan cara pertahanan dan melindungi diri sendiri atau orang lain dari pelanggaran hak kanak-kanak	1. memahami keadaan peristiwa pelanggaran hak kanak-kanak dalam masyarakat	1.keadaan dan peristiwa pelanggaran hak kanak-kanak dalam masyarakat Thai	1
		1.4 Siapa yang salah?		1. mengetahui dan memahami pelanggaran hak kanak-kanak dengan menggunakan kanak-kanak sebagai peralatan dalam melakukan kesalahan dan jalan menahankan	2. pelanggaran hak kanak-kanak dengan menggunakan kanak-kanak sebagai peralatan dalam melakukan kesalahan	1



BIL.	NAMA UNIT	NAMA AKTIVITI	STANDARD/ PENGUKURAN	TUJUAN	ISI	JUMLAH JAM
		Aktiviti 2 Pertahanan dan melindungi kanak-kanak dalam masyarakat Thailand	isi 2.1 darjah 5/2 memberi cadangan cara pertahanan dan melindungi diri sendiri atau orang lain dari pelanggaran hak kanak-kanak	1. menghargai kepentingan dan mencadangkan cara pertahanan dan melindungi diri sendiri atau orang lain dari pelanggaran hak kanak-kanak 2. menghargai kepentingan terhadap pertahanan dan melindungi kanak-kanak dalam masyarakat Thai 3. analisis jalan penyertaan dalam pertahanan dan melindungi kanak-kanak dalam	1.penyertaan dalam pertahanan dan melindungi diri sendiri atau orang lain daripada pelanggaran hak kanak-kanak 2.kepentingan pertahanan dan melindungi kanak-kanak dalam masyarakat Thai dan jalan untuk menyertai 3.ciri-ciri pertahanan dan melindungi kanak-kanak dalam masyarakat Thai dan	1



BIL.	NAMA UNIT	NAMA AKTIVITI	STANDARD/ PENGUKURAN	TUJUAN	ISI	JUMLAH JAM
		2.2 Bersama tolong mempertahankan		masyarakat Thai dan melakukannya	kerjasama antara agensi kerajaan dan swasta	1
		2.3 Masyarakat mempertahankan		4.memahami ciri-ciri dan cara mempertahankan dan melindungi kanak-kanak dalam masyarakat Thai		1
		Aktiviti 3 Cara Mempertahan dan melindungi diri sendiri dan orang lain  3.1 Saya pun boleh buat	isi 2.1 darjah 5/2 memberi cadangan cara pertahanan dan melindungi diri sendiri atau orang lain dari pelanggaran hak kanak-kanak	1. tahu cara melakukan dalam pertahanan dan melindungi diri sendiri dan orang lain dengan betul daripada diganasi dan dizalimi 2. tahu cara melakukan dalam pertahanan dan melindungi diri sendiri	1.cara memperlakukan dengan betul dalam pertahanan dan melindungi diri sendiri dan orang lain daripada	1



BIL.	NAMA UNIT	NAMA AKTIVITI	STANDARD/ PENGUKURAN	TUJUAN	ISI	JUMLAH JAM
		3.2 Sama-sama fikir melindungi  3.3 Berfikir sebelum buat keputusan		atau orang lain dengan betul daripada diajak untuk lakukan perkara yang risiko terhadap melakukan kesalahan 3. melakukan dalam pertahanan dan melindungi diri sendiri dan orang lain dengan betul daripada ditipu	pelanggaran hak kanak-kanak (3.1)  2.perlatihan kemahiran berfikir dan berkeputusan dalam pertahanan dan melindungi diri sendiri dan orang lain daripada dilanggar hak kanak-kanak (3.2, 3.3)	1+1
		Aktiviti 4 Cara pertolongan orang lain daripada pelanggaran hak	isi 2.1 darjah 5/2 memberi cadangan cara pertahanan dan melindungi diri sendiri atau orang lain dari	1. mencadangkan jalan pertolongan dan bertahan diri sendiri dan orang daripada pelanggaran hak kanak-kanak	1. jalan memperlakukan dalam pertahanan dan melindungi diri sendiri dan orang lain daripada	



BIL.	NAMA UNIT	NAMA AKTIVITI	STANDARD/ PENGUKURAN	TUJUAN	ISI	JUMLAH JAM
		4.1 Suara kecil-kecil yang dilupai	pelanggaran hak kanak-kanak	2. analisis peranan agensi kerajaan dan agensi yang berkaitan dengan pertahanan dan perlindungan kanak-kanak	pelanggaran hak kanak-kanak 2. peranan agensi kerajaan dan swasta yang berkaitan dengan pertahanan dan melindungi kanak-kanak	1
		4.2 Kita dapat tolong saya				1
3	Hak kanak-kanak dalam kebolehcapaian berita maklumat	Aktiviti 1 Skop berita maklumat yang kanak-kanak perlu ketahui  1.1 Berita maklumat dalam kehidupan seharian	isi 2.1 darjah 6/5 mengikuti berita maklumat peristiwa-peristiwa dalam kehidupan seharian. Pilih menerima dan menggunakan maklumat dan berita dalam mempelajari dengan sesuai.	1. mengetahui dan memahami penerimaan berita maklumat, memandangkan kepentingan sumber berita maklumat pada bahagian pelanggaran hak asasi manusia dalam kehidupan harian	1. mengetahui pada menerima berita maklumat dan hak dalam kebolehcapaian berita maklumat  2. kepentingan sumber berita maklumat	1



<b>BIL.</b>	<b>NAMA UNIT</b>	<b>NAMA AKTIVITI</b>	<b>STANDARD/ PENGUKURAN</b>	<b>TUJUAN</b>	<b>ISI</b>	<b>JUMLAH JAM</b>
		1.2 Hak dalam kebolehcapaian berita maklumat		2. menghargai kepentingan sumber berita-berita maklumat dan menerima dengan betul		1
		Aktiviti 2 Pos menyeronokkan, komennya gila-gila, kesalahan yang tidak diketahui	isi 2.1 darjah 6/5 mengikuti berita maklumat peristiwa-peristiwa dalam kehidupan seharian. Pilih menerima dan menggunakan maklumat dan berita dalam mempelajari dengan sesuai.	mampu analisis kebaikan dan keburukan dalam mengepos gambar dan teks atas media sosial yang sebagai pelanggaran hak asasi manusia	mengetahui kebaikan dan keburukan pada pelanggaran hak asasi manusia atas media sosial	1
		Aktiviti 3 Hak asasi manusia dengan dunia online	isi 2.1 darjah 6/5 mengikuti berita maklumat peristiwa-peristiwa dalam kehidupan seharian.	mengetahui dan memahami tentang pendedahan maklumat-maklumat atas talian online di	pendedahan maklumat atas talian online di bawah prinsip hak asasi manusia dan	1



BIL.	NAMA UNIT	NAMA AKTIVITI	STANDARD/ PENGUKURAN	TUJUAN	ISI	JUMLAH JAM
			Pilih menerima dan menggunakan maklumat dan berita dalam mempelajari dengan sesuai.	bawah prinsip hak asasi manusia	hukuman bawah undang-undang bertindak terhadap komputer 2560 be.	
		Aktiviti 4 Pendidikan seks pada zaman persekolahan	isi 2.1 darjah 6/5 mengikuti berita maklumat peristiwa-peristiwa dalam kehidupan seharian. Pilih menerima dan menggunakan maklumat dan berita dalam mempelajari dengan sesuai.	1. mengetahui analisis maklumat tentang pendidikan seks pada zaman persekolahan 2. menghargai kepentingan dan melakukan terhadap jantina sebaliknya dengan sesuai 3. mengetahui cara melakukan dengan sesuai dalam pertahanan dan melindungi diri sendiri		1



<b>BIL.</b>	<b>NAMA UNIT</b>	<b>NAMA AKTIVITI</b>	<b>STANDARD/ PENGUKURAN</b>	<b>TUJUAN</b>	<b>ISI</b>	<b>JUMLAH JAM</b>
				dan orang lain supaya tidak dilanggar secara seksual		





# **UNIT PEMBELAJARAN**



## **HAK SAYA**



## **UNIT PEMBELAJARAN 1           TAJUK HAK SAYA**

**AKTIVITI 1**           Hak Yang Akan Mempunyai Hidup

**AKTIVITI 1.1**       Dapat Hidup Dengan Selamat

(Hak Yang Akan Dapat Pemeliharaan Untuk Hidup)           1       Jam

### **STANDARD PEMBELAJARAN / PENGUKURAN**

Isi 2.1 darjah 4/3 Analisis hak asasi yang semua kanak-kanak berhak di bawah undang-undang

### **TUJUAN UNTUK PELAJAR**

1. Memahami dan menghargai kepentingan pada hak asasi kanak-kanak mengenai kelangsungan hidup.
2. Analisis jalan melakukan terhadap kanak-kanak untuk terus mempunyai hidup dan membesar sebagai orang dewasa.

### **CARA MELAKSANAKAN AKTIVITI**

1. Guru menunjukkan gambar kanak-kanak yang tersenyum dan ketawa dengan gembira kepada pelajar melihat, kemudian bincangkan bagaimanakah perasaannya? Pelajar boleh menulis, bercakap atau melukis gambar untuk menyampaikan perasaan itu. Sekeping kertas kecil diberikan kepada pelajar untuk dibuat, kemudian dilekatkan di papan di hadapan kelas. Guru dan pelajar bekerjasama untuk menyatukan pemikiran mereka terhadap gambar itu.

2. Guru menunjukkan kepada pelajar 3 gambar bayi yang baru lahir, contohnya gambar bayi yang dibalut dengan selimutnya, bayi sedang dalam pelukan ibunya dan bayi yang baru lahir tinggal bersama ayah dan ibu mereka, kemudian guru mengemukakan isu persoalan seperti berikut:

- 2.1 Bagaimanakah ketiga-tiga gambar itu serupa atau berbeza?
- 2.2 Bagaimanakah perasaan pelajar mengenai gambar ini?
- 2.3 Adakah pelajar berfikir bahawa anak yang baru lahir mempunyai hak untuk diri mereka atau tidak?



3. Guru menjelaskan hubungan bahawa semua manusia yang dilahirkan berhak untuk dapat pemeliharaan untuk terus hidup dan membesar sehingga dewasa.

4. Pelajar berkumpul mengikut sukarela, setiap kumpulan mesti mempunyai empat ahli, kemudian membincang dan memberi pandangan mengenai isu tersebut iaitu “Bagaimanakah seharusnya anak yang baru lahir berhak mendapat hak pemeliharaan?” Dengan menulis rajah pemikiran dalam kertas aktiviti :1.1.1 hak miliki bayi baru lahir.

5. Wakil kumpulan membentangkan karya mereka. Guru memeriksa ketepatan dan memberi cadangan tambahan.

6. Guru menerangkan lebih lanjut mengenai hak untuk dapat pemeliharaan untuk terus hidup daripada segi fizikal dan mental, pembangunan pelbagai kemahiran, hak untuk mendapat perlindungan. Keluarga adalah sebagai faktor asas utama terhadap kelangsungan hidup kanak-kanak.

7. Ahli setiap kumpulan bersama kongsi pendapat mereka mengenai faktor-faktor utama yang menjadikan kanak-kanak lahir kemudian hidup dan membesar, dan menyampaikan berbentuk gambar serta memberi nama dengan kreatif seperti “Kehidupan saya dapat berlangsung”, “Pemberi kehidupan kepada saya”. “Kehidupan mesra dan bahagia” kemudian membuat dalam kertas aktiviti 1.1.2 yang bertajuk kehidupan berlangsung.

8. Wakil kumpulan membentangkan gambar karya mereka serta menjelaskan buah fikiran, konsep pemikiran dalam penghasilan gambar

9. Pelajar dan guru bersama-sama merumuskan pengetahuan mereka mengenai hak untuk mempunyai hidup.

#### **MEDIA/SUMBER PEMBELAJARAN**

1. Kertas aktiviti 1.1.1 tajuk hak miliki bayi baru lahir.
2. Kertas aktiviti 1.1.2 tajuk kehidupan berlangsung.
3. Ilustrasi pengajaran.



## **UKURAN PENILAIAN**

1. Memerhatikan kelakuan pelajar secara individu dalam menyertai aktiviti
2. Memerhatikan kelakuan bekerjasama secara berkumpulan

## **CADANGAN**

1. Guru harus menggunakan bahasa yang senang difahami mengenai makna empat bahagian untuk hak kanak-kanak dan harus disertai dengan contoh untuk pelajar menggunakan konsep pemikiran mereka dalam menganalisis dan memberi pendapat mereka dalam aktiviti
2. Guru dapat mengubahsuai aktiviti atau kaedah mengikut konteks, kesesuaian untuk pelajar dapat terima pengetahuan dan pemahaman hingga sampai tujuan.

## **GLOSARI**

Hak kanak-kanak yang akan mempunyai hidup bermaksud hak asas mempunyai hidup untuk membesar menjadi dewasa yang terus berharga dengan menerima makanan berkhasiat dan mencukupi, mempunyai tempat tinggal dan menerima perkhidmatan kesihatan termasuk hak untuk menamakan dan kewarganegaraan.



## **KERTAS AKTIVITI 1.1.1**

### **TAJUK: HAK MILIKI BAYI BARU LAHIR**


Kumpulan ke.....

Nama Ahli

1.....2.....

3.....4.....

Keterangan: Menyuruh pelajar bincang dan memberi pandangan bersama dalam isu “Bagaimanakah bayi yang baru lahir akan dapat pemeliharaan” kemudian tulis dalam bentuk kerangka konsep pemikiran





## KERTAS AKTIVITI .1.12

### TAJUK: KEHIDUPAN BERLANGSUNG

Kumpulan ke.....

Nama Ahli

1.....2.....

3.....4.....

**Keterangan:** Menyuruh pelajar memberi pandangan tentang faktor penting yang membuat kanak-kanak lahir kemudian hidup dan membesar dan menyampaikan dalam bentuk gambar lukisan serta memberi nama dengan kreatif

**Nama Gambar:**.....



## **UNIT PEMBELAJARAN 1                    TAJUK HAK SAYA**

**AKTIVITI 1**                    Hak Yang Akan Mempunyai Hidup

**AKTIVITI 1.2**                Berkongsi Impian, Berkongsi Cinta

(Hak Akan Dapat Menerima Kasih Sayang Dan Kepedulian) 1            Jam

### **STANDARD PEMBELAJARAN / PENGUKURAN**

Isi 2.1 darjah 4/3 analisis hak asasi yang semua kanak-kanak berhak di bawah undang-undang

### **TUJUAN UNTUK PELAJAR**

1. Memahami dan menghargai kepentingan pada hak asasi kanak-kanak mengenai hak yang akan mempunyai hidup dengan menerima kasih sayang dan kepedulian dari keluarga
2. Analisis jalan berlaku terhadap kanak-kanak mengenai dengan penerimaan kasih sayang, kepedulian dari keluarga

### **CARA MELAKSANAKAN AKTIVITI**

1. Guru memasuki pelajaran dengan menyanyikan atau memasang lagu “Siapa itu?” dan minta pelajar menyanyikan lagu tersebut 1-2 kali
2. Pelajar menjawab soalan berikut.
  - 2.1 Apakah isi kepentingan lagu ini?
  - 2.2 Adakah pelajar dapat pandangan penting dari lagu ini atau tidak? bagaimana?
3. Guru menerangkan keterkaitan kepada pelajar untuk memahami bahawa setiap kanak-kanak, apabila sudah dilahirkan mempunyai hidup, maka perlu juga akan dapat menerima kasih sayang dan kepedulian daripada ibu bapa, adik beradik dan saudara mara
4. Guru membahagikan pelajar berkumpulan yang terdiri daripada 4-5 pelajar, setiap kumpulan terdiri daripada pelajar yang cepak, lemah, dan sederhana. Kemudian guru memberi berita kepada pelajar untuk analisis bersama seperti berikut:





4.1 Berita ibu bapa yang memelihara anak-anaknya dengan kepedulian yang baik.

4.2 Berita ibu bapa yang tidak mengambil berat tentang pemeliharaan anak mereka

5. Para pelajar bersama-sama menjawab soalan dari dua berita seperti berikut:

5.1 Apakah perbezaan antara kedua-dua berita tersebut?

5.2 Anak-anak dari keluarga yang manakah dapat hidup dengan bahagia? terangkan mengapa.

6. Ahli kumpulan bersama-sama membuat kertas aktiviti 1.2 tajuk: Cinta dan Keterikatan. Ahli dalam kumpulan bersama memberi pandangan dengan beralasan, menerima pandangan antara satu sama lain sehingga dapat kesimpulan dan catat dalam kertas aktiviti dalam bentuk rajah pemikiran, atau ilustrasi penghuraian.

7. Wakil kumpulan membentangkan karya mereka. Guru memeriksa ketepatan dan memberi cadangan tambahan.

8. Pelajar dan guru bersama-sama merumuskan terhadap keperluan yang kanak-kanak akan perlu dapat terima pemeliharaan dan kepedulian dari keluarga mengikut hak kanak-kanak yang berhak dapat.

### **MEDIA/SUMBER PEMBELAJARAN**

1. Lagu siapa itu?.
2. Berita tentang pemeliharaan kanak (guru boleh mencari dari media-media)
  - 2.1 Berita ibu bapa yang memelihara anak-anaknya dengan kepedulian yang baik.
  - 2.2 Berita ibu bapa yang memelihara anak-anaknya dengan tidak pedulinya.
3. Kertas aktiviti 1.2 tajuk: Cinta dan Keterikatan.



## UKURAN PENILAIAN

1. Menilai berdasarkan penyertaan aktiviti
2. Menilai berdasarkan kemampuan memberi pandangan semasa melakukan aktiviti
3. Menilai berdasarkan tugas yang diberi

## CADANGAN

1. Guru boleh menggunakan gambar atau berita yang berkaitan dengan pemeliharaan kanak-kanak dalam pelbagai bentuk sebagai media pengajaran. Menurut berita semasa, ini akan membuatkan pelajar lebih berminat.

2. Guru harus mempertimbangkan kes di mana pelajar dalam yang tiada ibu atau bapa atau tiada ibu dan bapa untuk tidak menimbulkan perasaan diskriminasi dengan menjelaskan bahawa mereka masih mempunyai hak dan peluang untuk menerima kasih sayang dan penjagaan daripada saudara-mara dan orang-orang dalam masyarakat, serta mewujudkan suasana dan mendorong persahabatan dan cinta rakan sekelas

## GLOSARI

Hak kanak-kanak adalah hak universal (Universal Rights) dan merupakan hak yang tegas (*Absolute Rights*) yang mesti diakui dan dilindungi. dengan tujuan untuk bukan hendak menuntut hak kanak-kanak tetapi untuk pembangunan kanak-kanak secara fizikal, mental, emosi, sosial, dan intelektual untuk berkembang di sekitar mereka sepenuhnya dan tidak pilih melakukan dengan bergabung tenaga bersama di semua institusi di seluruh dunia.



## **KERTAS AKTIVITI 2.1**

### **TAJUK: CINTA DAN KETERIKATAN**

**Keterangan:** Menyuruh pelajar tolong memberi pandangan tentang cara menunjuk kasih sayang dan kepedulian dan keterikatan ahli dalam keluarga dan membuat kesimpulan kotak pada bentuk yang sesuai (rajab pemikiran/ilustrasi penghuraian/ penghuraian serta ilustrasi/dan lain-lain)



## MEDIA PEMBELAJARAN

### ISI LAGU: SIAPA ITU?

